

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

MyCC MERANGKA KEUTAMAAN MASA DEPANNYA

KUALA LUMPUR, 13 DISEMBER 2021 – Mengakhiri proses yang meluas dan menyeluruh, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) secara rasmi telah melancarkan Pelan Strategik MyCC bagi tahun 2021 - 2025, yang merangka bidang utama serta hala tuju MyCC bagi tempoh lima tahun akan datang. Majlis pelancaran tersebut telah dirasmikan dengan jayanya oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Dato' Rosol Wahid di Hotel DoubleTree, Kuala Lumpur.

Pelan Strategik MyCC 2021 - 2025 menggariskan teras utama pelan tindakan MyCC untuk mencapai ekonomi yang teguh, cekap dan mampan bagi Malaysia dan rakyatnya melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar dan undang-undang persaingan. Pelan strategik tersebut juga memberi tumpuan kepada langkah pemulihan yang telah dikenal pasti bertujuan untuk menyokong Malaysia mengatasi kesan daripada Covid-19.

Dalam tempoh lima tahun akan datang, MyCC akan dipandu oleh strategi-strategi yang berikut:

- i. Matlamat Strategik 1: Menyampaikan hasil yang berkesan bagi aktiviti-aktiviti teras Suruhanjaya;
- ii. Matlamat Strategik 2: Menyelaras pemakaian dasar dan undang-undang persaingan seiring dengan persekitaran pasaran semasa; dan
- iii. Matlamat Strategik 3: Memperkukuh dan memperkembang kapasiti, keupayaan dan sumber Suruhanjaya untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan.

Pelan strategik ini adalah hasil perancangan berbulan-bulan Anggota Suruhanjaya, pihak pengurusan, pakar undang-undang persaingan antarabangsa dan kakitangan MyCC; yang membincang, merangka dan mentakrif teras matlamat, visi dan hala tuju MyCC bagi memenuhi objektifnya pada tahun-tahun akan datang.

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

"Walaupun tahun yang mencabar, saya berpuas hati dengan cara warga MyCC bekerjasama untuk fokus kepada hala tuju semasa dan masa depan MyCC. Pencapaian ini menandakan satu kejayaan besar dalam menghasilkan visi yang jelas bagi MyCC dalam tempoh lima tahun akan datang dan seterusnya," kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

"Kami mengambil kira perubahan dunia di sekeliling kami, bagaimana pandemik telah menjelaskan ekonomi, seterusnya membincangkan dan mengubah suai pelan tersebut mengikut kesesuaian semasa." katanya lagi.

Selepas pelancaran Pelan Strategik MyCC 2021 - 2025, MyCC telah mengadakan majlis anugerah bagi "Pelajar Terbaik dalam Subjek Undang-undang Persaingan". Anugerah tersebut diberikan kepada pelajar bagi mengiktiraf usaha dan pencapaian mereka dalam subjek Undang-undang Persaingan. MyCC telah menganugerahkan empat pelajar daripada empat institusi pengajian tinggi yang mempunyai kerjasama bersama MyCC melalui Memorandum Persefahaman (MoU).

Penerima anugerah tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Chan Yan Hao, dari Universiti Monash;
- ii. Lim Chin Lun, dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- iii. Ahmad Azhad bin Aznul Affendi, dari Universiti Malaya (UM); dan
- iv. Ely Nazihah binti Ahmad Yunus, dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA).

"Kami gembira berpeluang untuk mengenal pasti pelajar muda berbakat yang mempunyai potensi menjadi pakar dalam Undang-undang Persaingan. Adalah wajar bagi kami untuk mengiktiraf pencapaian yang membanggakan ini. Anugerah ini akan menjadi asas utama bagi MyCC untuk meningkatkan lagi program advokasi di kalangan pelajar dan menggalakkan lebih ramai pelajar untuk membuat penyelidikan dalam bidang Undang-undang Persaingan." kata Iskandar Ismail.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Azila Ahmad, Pengarah, Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit : +6019 268 7030

Emel : azila@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.

